

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, May 5, 2019 3:55 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: UUM Ke Arah Kampus Tanpa Tunai



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

05 MEI 2019 / 29 SYAABAN 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUM KE ARAH KAMPUS TANPA TUNAI



UUM ONLINE: UUM menuju ke arah kampus tanpa tunai dengan pelaksanaan "UUM Cashless Community" yang dirasmikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Mohd Asmirul Anuar Aris di Varsity Mall, pagi tadi.

Menurutnya, inisiatif program transaksi tanpa tunai amat dialu-alukan kerana membantu mengurangkan amalan rasuah dan mempersiapkan masyarakat terutamanya generasi muda untuk berhadapan dengan cabaran revolusi industri 4.0 (IR 4.0) apabila menempuh alam pekerjaan dan sentiasa mengikuti arus pemodenan sistem transaksi kewangan masa depan.

Ujarnya, telefon pintar dan aplikasi merupakan alat yang penting dalam kehidupan seharian, sewajarnya platform dan aplikasi telefon digunakan sebaiknya dalam persediaan menghadapi revolusi teknologi dan transaksi kewangan.

“Melalui e-wallet ini, saya yakin dapat mendidik pengguna telefon bimbit untuk bukan sahaja lebih berhemah tetapi bertanggungjawab di atas setiap sen yang dibelanjakan dengan perancangan sebelum perbelanjaan dibuat.

“Hari ini, pembelian di atas talian dalam kalangan masyarakat menunjukkan peningkatan setiap tahun jadi usaha untuk mewujudkan *cashless society* di UUM ini sememangnya sealiran dengan usaha kerajaan,” ucapnya.

Sementara itu, Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani menyambut baik hala tuju ke arah memamatkan pengguna di masa depan melalui sistem pembayaran tanpa tunai atau ‘cashless’.

Jelasnya, Program *UUM Cashless Community* telah bermula pada 9 September 2018 di UUM yang dilaksanakan mengikut tiga fasa iaitu melibatkan semua premis kafeteria, semua premis perniagaan (bukan makanan) dan fasa ketiga melibatkan perkhidmatan di dalam kampus.

“Justeru, UUM sentiasa bekerjasama dengan pihak pengusaha dan kiplePay sebagai vendor yang bertanggungjawab bagi merealisasikan transaksi tanpa tunai di dalam kampus secara menyeluruh.

“Beberapa program bersama Ketua Jabatan, pengusaha perniagaan dan pelajar telah diadakan oleh universiti melalui Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan (BSD) sebagai sekretariat,” katanya.

Ujarnya, dalam meningkatkan kecekapan sumber manusia, penjimatan masa pengurusan dan sumber kewangan jabatan, Universiti mengagihkan zakat kepada pelajar melalui kiplePay mulai Disember 2018 hingga Februari 2019 melibatkan 887 pelajar dalam masa lima hari bekerja berbanding 14 hari.

“Usaha ini juga akan menjadikan UUM sebagai universiti awam pertama di Malaysia yang membuat agihan bantuan zakat kepada pelajar menerusi aplikasi ‘e-wallet’ selain mensasarkan pelbagai perkhidmatan misalnya ‘Food Bank’ kepada pelajar yang memerlukan,” tambahnya.

Pada majlis itu, satu Memorandum Perjanjian (MoA) antara UUM dan kiplePay Sdn Bhd (kiplePay), anak syarikat Green Packet Berhad ditandatangani untuk merasmikan kampus tanpa tunai bersepadu yang pertama di UUM, Sintok.

UUM diwakili Naib Canselor UUM dan kiplePay oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Tan Kay Yen sambil disaksikan oleh Asmirul dan Pengerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional (PTPTN), Wan Saiful Wan Jan.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.